

08/05/1998

Dr Mahathir lawat Mesir tiga hari

Mior Kamarul Shahid in Kaherah

KAHERAH, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan tiba di sini malam esok untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Republik Arab Mesir, sebelum menghadiri sidang puncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) kelapan, yang bermula Isnin.

Ini adalah lawatan rasmi kedua Perdana Menteri ke republik ini. Lawatan pertama ialah pada 1984.

Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Hosni Mubarak untuk membincangkan isu hubungan dua hala di samping soal ekonomi terutamanya berhubung pasaran wang dan G15. Hosni Mubarak melawat Malaysia tahun lalu ketika menghadiri sidang kemuncak G15 ketujuh di Kuala Lumpur.

Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah juga dijadualkan berunding dengan rakan sejawatannya di sini, Dr Kamal Ahmad Al Ganzoury.

Perdana Menteri juga akan menghadiri forum perniagaan anjuran Dewan Perniagaan Arab-Malaysia di samping melawat bilik pameran Perodua Kancil. Sebanyak 80 unit Perodua Kancil yang dipasarkan di sini laris ditempah dan 120 unit lagi akan dibawa masuk bulan ini.

Beliau juga dijadualkan menghadiri majlis syarahan di Universiti Al-Azhar dan akan dianugerahkan ijazah doktor kehormat persuratan daripada universiti tertua di dunia itu.